



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Mei 30, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM anjur Sembang Ekonomi Bersama MIDF



Oleh: Lee Zen Yi

Foto: Marina Ismail

SERDANG, 26 Mei – Kira-kira 70 pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (UPM), Universiti Putra Malaysia (UPM), dengan kerjasama Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM) UPM serta Malaysia Industrial Development Finance Berhad (MIDF), menganjurkan program "Sembang Ekonomi Bersama MIDF" untuk mendedahkan pelajar kepada isu ekonomi semasa terus dari kaca mata pakar industri.

Pengarah program, Lee Zen Yi berkata pelajar itu dari Kursus Ekonomi Malaysia (ECN3161) dapat berinteraksi dengan penceramah jemputan berkaitan isu semasa membabitkan negara.

"Forum itu adalah program outreach MIDF yang bertujuan mendedahkan pelajar institusi pengajian tinggi, khususnya pelajar yang mengikuti kursus ekonomi untuk memahami isu sebenar ekonomi negara.

"Antara isu menarik yang disentuh ialah Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), penyusutan nilai ringgit dan hutang isi rumah," katanya.



Penceramah jemputan ialah Ketua Ekonomi Bahagian Penyelidikan MIDF, Dr. Kamaruddin Mohd Nor dan Aslam IIman Zulkiflee.

Program bermula dengan Dr Kamaruddin memberi penerangan ringkas mengenai MIDF. Encik Aslam bercakap mengenai TPPA manakala Dr. Kamaruddin berhubung isu yang berkaitan dengan ekonomi negara.

